

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## EVOLUSI KURSUS TERAS UNIVERSITI: DARI SEJARAH PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA KE PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

*THE EVOLUTION OF UNIVERSITY CORE COURSE: FROM THE HISTORY OF NATION BUILDING OF MALAYSIA TO THE APPRECIATION OF ETHICS AND CIVILIZATION*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1\*</sup>, Romzi Ationg<sup>2\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>3\*</sup>, Mohd Kamal Mohd Shah<sup>4</sup>, Muhammad Safuan Yusoff<sup>5</sup>, Habibah Artini Ramlie<sup>6</sup>, Abang Mohd. Razif Abang Muis<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mratong@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mkamalms@ums.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: safuan\_y@yahoo.com

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>7</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: amrazif@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

**Abstrak:**

Kursus teras universiti adalah kursus asas yang ditetapkan oleh universiti. Pelajar wajib mengambil dan wajib lulus kursus ini. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), salah satu kursus teras universiti adalah kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia yang diwujudkan selari dengan penubuhan UMS pada tahun 1994. Kursus ini ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) kepada pelajar-pelajar peringkat ijazah pertama di UMS. Pada tahun 2004, kursus ini diubah namanya menjadi kursus Sejarah

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

**To cite this document:**

Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramlie, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia Ke Penghayatan Etika Dan Peradaban. International Journal of Education, Psychology and Counselling6 (39), 166-181.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.6390011

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Pembentukan Nasion Malaysia dan seterusnya digantikan dengan kursus baru iaitu Hubungan Etnik pada tahun 2008. Seterusnya, kursus teras ini diubah lagi dengan nama baharu iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban pada tahun 2020. Kertas kerja ini membincangkan tentang evolusi kursus teras tersebut dengan menumpukan kepada aspek sinopsis, objektif dan kandungan ketiga-tiga kursus ini, serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kaedah perbincangan pula dibuat secara deskriptif naratif dan deskriptif analitikal dengan menganalisis teks berdasarkan sumber primer dan sekunder, serta bersandarkan pengalaman dan pemerhatian penulis dalam mengendalikan kursus teras tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kursus teras universiti bersifat dinamik dan anjal, serta seiring dengan kehendak dan keperluan semasa sebagai usaha memenuhi komponen kenegaraan Malaysia.

**Kata Kunci:**

Kursus Teras Universiti; UMS; Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia; Hubungan Etnik (HE); Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP)

**Abstract:**

University core courses are the foundation courses prescribed by the university. Students are required to take and must pass this course. At the Universiti Malaysia Sabah (UMS), one of the university's core courses in the History of the Nation Building of Malaysia, a course that was introduced in parallel with the establishment of UMS in 1994. This course is being offered by the Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (CPKLL) for undergraduate students in UMS. In 2004, this course renamed the History of the Nation Building of Malaysia and later replaced by a newly introduced course namely Ethnic Relations in 2008. Subsequently, this core course has renamed the Appreciation of Ethics and Civilization in 2020. This paper discusses the evolution of the core courses by focusing on the synopsis, objectives, and content of these three courses, as well as the teaching and learning methods. The discussion is largely a descriptive narrative and descriptive-analytical based on the analysis of primary and secondary texts, as well as the experience and observations of the author in conducting the core course. Thus, the study found that the university's core courses are dynamic and flexible, as well as in line with current needs and requirements in an effort to meet the components of Malaysian nationhood.

**Keywords:**

University Core Courses; UMS; History of the Nation Building of Malaysia (SPBM); Ethnic Relations (HE); Appreciation of Ethics and Civilization (PEdP)

## Pengenalan

Kursus teras terdiri daripada beberapa kursus wajib universiti yang wajib diambil oleh pelajar pada peringkat ijazah pertama sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kursus teras ini menjadi salah satu komponen penting dalam sesuatu program pengajian bagi sesebuah universiti. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus teras universiti diperkenalkan seiring dengan penubuhannya pada tahun 1994. Menurut Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah, Pindaan 2, (2014), "Kursus Teras Universiti" ertinya kursus yang ditawarkan pada peringkat universiti dan

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** diwajibkan kepada semua pelajar untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda. Justeru itu, pada awal penubuhan UMS, kursus teras yang diperkenalkan pada ketika itu adalah kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM) dengan digandingkan dengan kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS) dan kemudiannya ditambah lagi dengan kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK). Ketiga-tiga kursus teras ini dikendalikan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang dapat dilihat selari dengan motonya “Memperkasakan Nilai Kemanusiaan”. Dari moto ini, jelaslah UMS berusaha untuk memperlengkapkan siswazah dengan ilmu pengetahuan agar menjadi seorang manusia yang seimbang sebagai persediaan menghadapi realiti pekerjaan dan masyarakat (Utama-PIB-UMS, 2021). Bagi Kursus SPBM, ia mula diperkenalkan sebagai usaha untuk memupuk pelajar dari kluster kursus kenegaraan Malaysia. Pada tahun 2004, kursus ini diubah namanya kepada kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia (SPNM) sehingga diperkenalkan kursus baharu oleh Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia, iaitu Hubungan Etnik (HE) pada tahun 2008. Pada tahun 2020, kursus HE digantikan dengan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) (Mohd Sohaimi, *et al.*, 2019). Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan secara evolusi perkembangan kursus teras tersebut dengan melihat dari segi sinopsis, objektif dan kurikulum ketiga-tiga kursus tersebut. Persoalannya, sejauhmanakah perubahan yang dapat dilihat bagi setiap kursus tersebut? Sejauhmanakah pula ia dapat memenuhi hasrat UMS dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memenuhi komponen kenegaraan Malaysia sebagai memenuhi syarat kursus teras universiti? Sebelum dibincangkan setiap kursus berkenaan, maka dibincangkan terlebih dahulu dari segi metodologi kajian dalam menghasilkan penulisan ini.

## Metodologi

Dalam konteks metodologi kajian, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah mengikut disiplin sejarah. Hal ini apabila istilah evolusi digunakan untuk melihat perkembangan kursus teras universiti di UMS, khususnya untuk komponen kenegaraan Malaysia. Evolusi menurut *Kamus Dewan* (2004) merujuk kepada perkembangan beransur-ansur kepada yang lebih bersifat kompleks. Istilah ini berasal dari bahasa latin *evovere* yang bererti “membuka lipatan” (Online Etymology Dictionary: Evolve, 2021). Persoalannya, bagaimanakah kursus ini boleh dikatakan melalui proses evolusi? Hal inilah yang menarik untuk dibincangkan dan dibahaskan bila memperkatakan perkembangan kursus teras universiti ini. Seperkara lagi, apabila membincangkan metodologi kajian disiplin sejarah, maka ia bersifat kualitatif yang diadunkan dengan perbincangan secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009). Oleh kerana dengan tajuk dari kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM) ke kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) memperlihatkan perbincangan secara kronologi, serta terdapatnya perkembangannya yang menarik untuk dikaji. Hal ini sesuai apabila kursus SPBM mula diperkenalkan sejak penubuhan UMS pada tahun 1994 dan terkini diperkenalkan kursus PEdP bermula pada tahun 2020. Antara tempoh tersebut, terdapat dua lagi kursus yang diperkenalkan iaitu Sejarah Pembinaan Nasion Malaysia (SPNM) pada tahun 2004 dan Hubungan Etnik (HE) pada tahun 2008.

Dalam penulisan ini, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpulkan sumber berbentuk primer dan sekunder. Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejarahan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** (Carr, 1962; Collingwood, 1993). Sungguhpun dari apek sejarah, peristiwa itu menjadi keutamaan, tetapi ia masih boleh diterjemahkan dalam konteks perkembangan kurikulum dalam bidang pendidikan seperti kursus teras universiti. Justeru itu, sumber primer yang digunakan termasuklah bahan bercetak dan digital yang dikeluarkan oleh Jabatan Akademik, UMS dan PPIB. Antara bahan terpenting dirujuk termasuklah *Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah UMS* dan *Prospektus Prasiswazah UMS* yang diterbitkan secara bercetak dan terkini secara digital setiap sesi pengajian. Begitu juga, penerbitan yang dihasilkan di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia seperti *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006), *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU)*, *Edisi Kedua*. (2016) dan *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices- HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum* (2019).

Sementara sumber sekunder pula digunakan dalam kajian ini seperti buku, artikel dalam jurnal dan akhbar yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan kursus teras universiti tersebut. Daripada kedua-dua jenis sumber ini, maka pengkaji akan dapat menjelaskan secara lebih komprehensif selari dengan kaedah *review* sumber agar dapat memenuhi nilai disiplin sejarah yang dikatakan bersifat objektif dan saintifik (Mohd Sohaimi et al., 2021b) Selain itu, kaedah pemerhatian dan pengalaman penulis yang menjadi tenaga pengajar kursus teras tersebut lebih 20 tahun turut membantu dalam menghasilkan penulisan ini. Sebelum dihuraikan lebih lanjut berkaitan dengan kursus berkenaan, maka terlebih dahulu dibincangkan kedudukan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS.

### **Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan Kursus Teras Universiti**


Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1994 dengan tujuan antara lainnya untuk menawarkan kursus-kursus teras universiti kepada semua pelajar daripada pelbagai fakulti di UMS (Irma Wani, Herlina & Norazah, 2019b). Pusat ini ditubuhkan untuk merealisasikan visi dan misi UMS, iaitu melahirkan pelajar yang berketerampilan dan seimbang dalam semua bidang ilmu pengajiannya. Matlamatnya adalah untuk melahirkan graduan yang berupaya menerapkan nilai-nilai keinsanan dalam menghadapi cabaran semasa di peringkat nasional dan antarabangsa (Utama-PPIB-UMS, 2021; Siti Aidah, Budi & Mohd Sohaimi, 2019; Mohd Sohaimi, Mohd Azri & Sharifah Darmia, 2019).

Objektif penubuhan PPIB adalah pertama, melahirkan siswazah yang berilmu, berkemahiran dan berketrampilan. Kedua, siswazah yang berupaya memimpin dan berbudi bahasa. Ketiga, menanamkan semangat patriotik dalam kalangan siswazah, mengembangkan pemahaman dan penghayatan sejarah serta warisan budaya bangsa Malaysia. Keempat, melahirkan siswazah yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa asing / tempatan. Kelima, melahirkan siswazah yang memiliki kemahiran seimbang dan menyeluruh dari sudut kualiti intelektual dan kemahiran insaniah (Utama-PPIB-UMS, 2021; Mohd Sohaimi, Mohd Azri & Sharifah Darmia, 2019; Mohd Azri, Romzi & Mohd Sohaimi, 2019). Sesungguhnya, perkara ini perlu dijelaskan terlebih dahulu kerana terdapat kaitan PPIB dengan penawaran kursus SPBM, SPNM, HE dan PEdP, seumpama bagi ‘aur dengan tebing’. PPIB dan kesemua kursus berkenaan saling melengkapi bagi memenuhi objektif yang telah digariskan oleh pihak universiti dan kementerian. Berdasarkan objektif penubuhan PPIB, jelaslah kursus SPBM, SPNM, HE dan PEdP berusaha memenuhi semua objektif tersebut, kecuali objektif keempat.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Di PPIB, seperkara lagi yang penting apabila kursus berkenaan digandingkan dengan kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS) dan Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) sebagai kursus teras universiti. Istimewanya kursus TITAS seusia dengan kursus SPBM yang mula diperkenalkan sejak penubuhan UMS (Siti Aidah, Budi & Mohd Sohaimi, 2019; Siti Hajar Che Man, 2012).

Pada dasarnya, penawaran kursus SPBM, SPNM, HE dan PEdP diletakkan di bawah kluster kenegaraan Malaysia seperti mana yang terkandung dalam, Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU). Garis panduan ini mula diperkenalkan pada September 2013 di peringkat IPT di Malaysia. Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti modal insan sejarar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), 2016). Sebelum itu, kursus ini dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW) (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Menurut Zainal Kling (1985), subjek kenegaraan adalah untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Warganegara yang baik mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Dengan itu, MPU menerusi kursus yang ditawarkan diharap dapat melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai nilai-nilai murni, serta jati diri beracuan Malaysia (Mohd. Zahedi Daud, 2005). Justeru itu, MPU diwajibkan bukan sahaja di peringkat IPTA, tetapi juga IPTS seperti mana yang terdapat dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga mewajibkan semua pelajar di IPT sama ada pelajar tempatan ataupun antarabangsa perlu melengkapkan MPU sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sarjana muda (Ng Ming Yip dan Iswandi Harahap, 2017; Irma Wani, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2021).

Sesungguhnya, PPIB dan UMS telah mengambil kira akan kepentingan MPU tersebut, termasuklah dengan memperkenalkan kursus kluster kenegaraan Malaysia bagi mencapai matlamat yang digariskan oleh pihak kementerian. Perbincangan selanjutnya akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM) dan kursus Sejarah Pembinaan Nasion Malaysia (SPNM), diikuti kursus Hubungan Etnik (HE) dan bahagian akhir, kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP). Secara umumnya, perkembangan kursus ini boleh dilihat secara evolusi seperti mana dalam Rajah 1 yang menggambarkan perubahan berlaku secara kronologi mengikut tahun dan nama kursus, yakni berbeza sesuai dengan kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajarannya.



### **Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM) dan Kursus Sejarah Pembinaan Nasion Malaysia (SPNM)**

Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM) merupakan kursus terawal diperkenalkan di PPIB dengan menggunakan kod UW1023. Kursus ini mengandungi tiga jam kredit iaitu dua jam disampaikan dalam bentuk kuliah dan sejam lagi pula tutorial. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan boleh dikatakan bersifat konvensional sesuai dengan keadaan ketika itu. Dari segi penilaian, kursus ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tugas sepantjang semester merangkumi 70% dan 30% lagi dinilai dalam peperiksaan akhir semester. Pada tahun 2004, kursus ini digantikan dengan kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia (SPNM) dengan kod UF1003. Dalam konteks perbincangan, kedua-dua kursus ini digabungkan di bawah satu topik kerana mempunyai banyak persamaan yang dapat dilihat dari segi nama kursus dan kurikulumnya. Kedua-dua kursus ini digubal oleh pensyarah PPIB dengan mengikut garis panduan kementerian bagi memenuhi kluster kenegaraan Malaysia atau Pengajian Malaysia. Pensyarah yang mengajar pula terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran sama ada dalam bidang sejarah atau sosiologi (Siti Aidah, Budi, Mohd Sohaimi, 2019).

Kursus SPBM mempunyai keunikannya yang tersendiri jika dilihat dari segi sinopsis dan objektif. Hal ini jika diteliti berbanding dengan kursus yang sama di IPT lain lebih bersifat konvensional, yakni mengikut kurikulum kenegaraan Malaysia atau Pengajian Malaysia. Secara umumnya, sinopsis kursus merupakan ringkasan kandungan sesuatu kursus yang ditawarkan kepada pelajar. Sinopsis kursus menjadi salah satu elemen penting yang ada dalam sesuatu kursus. Dalam konteks UMS, sinopsis kursus boleh didapati dalam buku, Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah yang diterbitkan pada setiap sesi pengajian. Bagi kursus SPBM, sinopsisnya adalah seperti berikut:

“Kursus ini membicarakan persoalan yang berkaitan dengan pembentukan suatu bangsa (nation) Malaysia. Perbincangan ditumpukan kepada sejarah perkembangan politik sejak

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
zaman pendudukan Jepun sehingga ke zaman kini, iaitu khasnya mengenai persoalan integrasi kebangsaan. Di antara tajuk-tajuk yang akan dikaji ialah pendudukan Jepun; usaha mewujudkan kerjasama antara kaum; kemerdekaan dan sejarah pembentukan Malaysia; Peristiwa 13 Mei; Dasar Ekonomi Baru, Wawasan 2020 dan proses pembinaan bangsa Malaysia” (Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah 2004-2005).

Berdasarkan sinopsis tersebut, kursus SPBM menggunakan pendekatan disiplin sejarah dengan lebih mementingkan konsep kronologi dan thematic. Antara perkara pokok dalam sinopsis ini adalah berkaitan dengan proses pembinaan bangsa (nasion) Malaysia dan hal yang berkaitan dengan integrasi kebangsaan (Rosmah *et al.*, 2019). Berdasarkan sinopsis ini, terdapat sedikit sebanyak perbezaan dengan kursus Pengajian Malaysia. Kursus Pengajian Malaysia lebih menumpukan kepada pengetahuan am tentang Malaysia, selain pengkisahan sejarah negara ini (Mohd Sohaimi, 2012).

Kursus SPBM kemudiannya disemak semula, diubah suai dan ditukar namanya kepada kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia (SPNM). Sinopsis kursus SPNM pula adalah seperti berikut:

*“Kursus ini membicarakan persoalan yang berkaitan dengan pembentukan nasion Malaysia dalam kerangka proses sejarahnya. Perbincangan ditumpukan kepada perkembangan politik sejak zaman pendudukan Jepun sehingga kini dan hubungannya dengan persoalan pembentukan identiti kebangsaan satu bangsa yang bersatu dalam konteks perpaduan kebangsaan. Antara tajuk yang akan dikaji meliputi latar belakang sejarah dan penduduk sebelum zaman pendudukan Jepun, dasar dan kesan zaman pendudukan Jepun, zaman selepas Perang Dunia Kedua (penubuhan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu), usaha mewujudkan kerjasama antara kaum, kemerdekaan Tanah Melayu, kelahiran negara Malaysia dan asas pembentukan nasion Malaysia, Peristiwa 13 Mei, Dasar Ekonomi Baru (seterusnya Dasar Pembangunan Nasional), Wawasan 2020 dan kesan globalisasi terhadap pembentukan nasion Malaysia” (Rangka Kursus UF1003, Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia, Semester 1, Sesi 2005/2006).*

Daripada sinopsis kursus SPNM, dapat dilihat perubahan terhadap fokus perbincangan kursus ini daripada kursus SPBM yang sebelumnya iaitu dengan turut memberi tumpuan kepada kesan globalisasi terhadap pembentukan nasion Malaysia. Perubahan ini seiring dengan perubahan dunia semasa khususnya perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak dapat dinafikan meninggalkan pelbagai impak terhadap pembentukan nasion Malaysia. Apabila membincangkan proses nasion, maka selalunya dirujuk dalam disiplin sains politik sebagai pembinaan negara bangsa (Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan, 1997). Secara umumnya, kedua-dua disiplin sejarah dan sains politik menekankan kenegaraan mempunyai definisi dan matlamat yang sama iaitu melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab dalam usaha membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan dihormati. Antara rujukan utama kursus ini termasuklah buku yang ditulis oleh James P. Ongkili (1985), R.S. Milne & D.K. Mauzy (1978) dan Andaya B.W. & L.Y. Andaya (1982).

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Dari segi objektif kursus, SPBM dan SPNM mempunyai persamaan seperti berikut:

1. Mendedahkan para pelajar kepada sejarah pembentukan bangsa / nasion Malaysia dan membolehkan mereka memahami proses pembinaan nasion serta kehidupan bernegara.
2. Mengetahui sejarah tanah air yang mewarnai perkembangan Malaysia masa kini dan meningkatkan semangat cinta akan tanah air.
3. Meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya menjaga keharmonian melalui integrasi kebangsaan.
4. Mengetahui langkah-langkah ke arah membina bangsa / nasion Malaysia.

Berdasarkan objektif di atas, kedua-dua kursus ini bukan sahaja kurikulumnya menekankan aspek sejarah negara ini, tetapi turut memberi perhatian dan pengajaran proses pembinaan negara bangsa Malaysia. Hal inilah yang dapat dikaitkan dengan evolusi peringkat pertama bagi kursus ini dengan menjadikan keutamaan untuk membina semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Peringkat pertama ini juga terdapat kebebasan dalam pengubahan kurikulum selari dengan keperluan pihak PPIB dan UMS, tanpa terikat dengan pihak kementerian. Namun begitu, kedaaan ini berbeza apabila pihak kementerian memperkenalkan kursus baharu, Hubungan Etnik (HE).

### **Kursus Hubungan Etnik (HE)**

Perubahan untuk pelaksanaan kursus teras universiti secara selaras di IPTA mula dilaksanakan pada tahun 2005 apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menetapkan pengajaran dan pembelajaran kursus Hubungan Etnik (HE) secara seragam di semua IPTA. Para pensyarah yang ditugaskan untuk mengajar kursus HE dari semua IPTA telah diberikan bimbingan sebagai tenaga pengajar kursus ini. Bengkel Training of Trainers (ToT) untuk kursus TITAS dan HE dikendalikan oleh KPT telah diadakan pada 13-16 Disember 2005 (Rosmah *et al.*, 2019). Selepas itu, beberapa siri bengkel dan kursus telah diadakan di samping pemurnian Modul Hubungan Etnik yang pertama. Natijahnya, penggubalan kurikulum kursus HE tersebut memperlihatkan arahan bersifat *top down* apabila diselaraskan seluruh IPT dengan tanggungjawab diberikan kepada Institut Kajian Etnik, UKM. Dengan itu, ia juga menjadi catatan sejarah penting dalam konteks kursus teras universiti bagi kursus bersifat kenegaraan ini. Andaian ini juga yang boleh dikategorikan sebagai evolusi peringkat kedua bagi kursus bersifat kenegaraan tersebut.

Pelaksanaan sepenuhnya kursus HE di UMS adalah selaras dengan IPTA lain bermula pada tahun 2008. Dalam tempoh peralihan tersebut, dari tahun 2006 hingga 2007, kurikulum kursus HE di UMS masih menggabungkan isi kandungan kursus SPNM dengan kursus HE. Dari segi kurikulum, elemen sejarah kepelbagai etnik dan usaha-usaha untuk mencapai perpaduan nasional dalam kursus SPBM dan SPNM sebelum ini diberikan nilai tambah untuk kursus HE. Oleh itu, UMS telah pun mengorak langkah lebih awal melaksanakan kursus yang menekankan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia sebelum wujudnya kursus HE di semua IPTA oleh KPT. Sejak tahun 2008, kursus HE di UMS dikendalikan mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Siti Aidah, Budi, Mohd Sohaimi, 2019).

Di UMS, kod kursus HE ialah UW00102 dengan nilai dua jam kredit. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dikendalikan sepenuhnya menerusi dua jam kuliah. Penilaiannya pula,

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** dibahagikan kepada dua iaitu penilaian berterusan sepanjang semester 70% dan 30% peperiksaan akhir semester. Sinopsisnya kursus HE telah diselaraskan oleh KPT seperti berikut:

*“Kursus ini membincangkan usaha untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat Malaysia melalui integrasi kebangsaan. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah kesepaduan dalam kepelbagaian, teori dan konsep hubungan etnik dan sejarah perkembangan masyarakat Malaysia. Hubungan etnik dalam konteks perlembagaan, politik, ekonomi, pendidikan dan agama juga menjadi tumpuan perbincangan. Selain itu, cabaran dan langkah ke arah memupuk hubungan etnik turut diberikan perhatian, di samping meneliti amalan harian yang telah berjaya untuk mewujudkan kesepaduan dalam kepelbagaian rakyat Malaysia”* (Dokumen MQA, Kursus Hubungan Etnik, Sesi 2017-2018; Universiti Malaysia Sabah, Prospektus Prasiswazah 2017/2018).

Berdasarkan ketiga-tiga sinopsis tersebut, terdapat beberapa perbezaan antara kursus SPBM, SPNM dengan kursus HE. Antara perbezaan yang dapat dikenalpasti adalah dari segi pendekatan dan isi kandungan. HE menggunakan pendekatan disiplin sosiologi apabila terdapatnya tema tentang konsep dan teori. Begitu juga, HE tidak begitu menekankan konsep kronologi sejarah Malaysia dalam membincangkan isi kandungannya, yakni berbeza dengan kursus SPBM. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kursus ini masih menekankan matlamat yang sama iaitu menghuraikan secara analitikal tentang proses pembinaan bangsa Malaysia dan pemantapan integrasi kebangsaan (Hamidah, *et al.*, 2011; Mohd Sohaimi *et al.*, 2021a). Sementara objektif Kursus HE pula adalah untuk:

1. Mendedahkan pelajar tentang sejarah tanah air, pluraliti budaya, masyarakat dan kumpulan etnik.
2. Memberi kefahaman berkenaan kesepaduan sosial di Malaysia, asas-asas keharmonian hubungan etnik dan integrasi kebangsaan.
3. Meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sejarah hubungan etnik dan cabaran pluraliti di Malaysia.
4. Memberi kefahaman dan kesedaran tentang dasar-dasar kerajaan dalam mengeratkan hubungan etnik serta usaha membentuk bangsa Malaysia.
5. Melibatkan pelajar dalam pengalaman pembelajaran yang kreatif tentang aspek sosial, cara hidup dan budaya masyarakat Malaysia.

Daripada objektif kursus tersebut, ternyata kursus SPBM, SPNM dan HE dilaksanakan untuk memberikan kefahaman para pelajar tentang sejarah negara, asal-usul bangsa Malaysia dan kepentingan untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Kesedaran dalam kalangan pelajar untuk terus mempertahankan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang pelbagai etnik mesti dipupuk setiap masa (Muhamad Rahimi Osman, 2010; Nazri Muslim, Faridah Jalil & Abdul Aziz 2011). Penglibatan pelajar dan pengalaman yang dilalui dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dalam kursus ini membolehkan objektif kursus yang digariskan tercapai (Siti Aidah, Budi & Mohd Sohaimi, 2019).

Dari segi rujukan, terdapat dua modul kursus HE yang diterbitkan iaitu Shamsul Amri (2007) dan Shamsul Amri (2012) yang juga beliau sebagai ketua editor buku berkenaan. Sementara

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
buku lain yang digunakan sebagai rujukan utama antaranya termasuklah yang ditulis oleh pensyarah PPIB iaitu Mohd Sohaimi, Dayu & Budi (2011) dan Dayu, Mohd Sohaimi, Yusten & Budi (2015). Namun begitu, selepas lebih kurang 10 tahun diperkenalkan kursus ini digantikan dengan kursus baharu, iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) yang boleh dikategorikan sebagai evolusi peringkat ketiga.

### **Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP)**

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan dua kursus wajib baharu di IPT yang mula diperkenalkan pada sesi pengambilan 2019/2020. Kedua-dua kursus ini sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik (HE) dan Tamadun Islam dan Asia (TITAS) (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2019). Menurut mantan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, kedua-dua kursus ini wajib diambil oleh mahasiswa dan menjadi prasyarat untuk mereka sebelum menamatkan pengajian. Ia merupakan salah satu hala tuju sistem pendidikan negara dan merupakan sambungan kepada pendidikan sivik di sekolah supaya diteruskan di peringkat pengajian tinggi (Berita Harian, 25 September 2019). Di UMS, kedua-dua kursus ini mula diperkenalkan pada Semester 1 Sesi 2020/2021 (Mohd Sohaimi, *et al.*, 2021a). Dengan pengenalan kursus baharu ini boleh diandaikan sebagai evolusi peringkat ketiga bagi kursus teras universiti kluster kenegaraan Malaysia. Hal ini dianggap unik bukan sahaja arahan yang bersifat top down seperti kursus HE, tetapi agak tergesa-gesa pelaksanaannya tanpa persediaan rapi, khususnya dalam konteks kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, kursus ini mempunyai status dan reputasinya yang tersendiri berbanding dengan kursus SPBM, SPNM dan HE sehingga boleh dikategorikan evolusi peringkat ketiga kursus ini sebagai teras universiti kluster kenegaraan Malaysia.

Di UMS, kursus PEdP menggunakan kod UW00802 dengan mempunyai dua jam kredit. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya dalam bentuk kuliah selama dua jam. Penilaian kursus PEdP dibuat berdasarkan penilaian sepanjang semester dan tiada penilaian dalam bentuk peperiksaan akhir semester. Sesungguhnya, bentuk penilaian ini berbeza dengan kursus sebelum ini, yakni SPBM, SPNM dan HE yang mempunyai peperiksaan akhir semester. Seperkara lagi yang menarik apabila kursus ini dikendalikan dalam talian sepenuhnya sesuai dengan keadaan berlakunya pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kursus ini telah dikendalikan oleh pensyarah dalam talian menerusi saluran kuliah Webex, Google Meet dan Smartv3 UMS, selain platform lain menerusi aplikasi seperti whatsapp, telegram dan email (Mohd Sohaimi *et al.*, 2021b). Andaian ini juga memperlihatkan evolusi peringkat ketiga bagi kursus bersifat kenegaraan di UMS yang sebelum ini lebih bersifat konversional dalam kaedah pengajaran dan pembelajarannya.

Kurikulum PEdP digubal selari dengan tujuan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk menjadikan pelajar parsiswazah dilengkapi dengan pengetahuan berkaitan dengan pembinaan negara bangsa, pengukuhan dan perluasan pengetahuan mereka tentang Malaysia, di samping dapat mengaplikasikan kemahiran insaniah. (Saharia, 2015) Berdasarkan MPU, kursus PEdP dikategorikan dalam U1, yakni penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), 2016). Sebagai kursus baharu, maka begitu penting untuk melihat keberkesanannya dari segi kurikulum agar sekurang-kurangnya setanding

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
dengan kursus sebelum ini, yakni Hubungan Etnik. (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011)  
Sinopsis kursus PEdP seperitmanya berikut:

*“Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpandukan Perlumbagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini” (Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS, 2020).*

Berdasarkan sinopsis di atas, kursus PEdP yang diperkenalkan mempunyai perbezaan yang agak ketara berbanding dengan kursus HE, malah lagi ketara jika dibandingkan dengan kursus SPBM dan SPNM. Jelasnya, kursus ini merentasi disiplin sejarah dan sosiologi, serta sifat multidisiplin diketengahkan dalam kursus PEdP tersebut. Skop tema, tempoh masa sehingga kaedah pengajaran dan pembelajarannya juga banyak mengalami perubahan apabila aplikasi ilmu diketengahkan dalam kursus ini. Malah lebih menarik lagi transformasi kurikulumnya melibatkan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) diakui perlu dipraktikkan dalam PnP agar dapat mendalami lagi kursus ini (Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum, 2019).

Kursus PEdP mempunyai keistimewaan tersendiri sekiranya dilihat dari segi objektif pengajaran dan pembelajaran. Menerusi kursus ini, pelajar dilatih untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini penting untuk pelajar agar dapat memperteguhkan lagi pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Terdapat tiga objektif yang digariskan oleh kursus ini iaitu:

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

1. Membincangkan konsep etika dan isu-isu kontemporari daripada perspektif peradaban yang berbeza.
2. Membandingkan sistem, tahap perkembangan kemajuan sosial dan kebudayaan merentas bangsa.
3. Menganalisis cabaran kontemporari berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial, budaya teknologi dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.

Kurikulum PEdP adalah memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia. Perbincangannya diolah dan diadun dengan melihat dari segi susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Oleh itu, pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan pelajar ke arah pemantapan kesepadan nasional. Peradaban acuan Malaysia dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pembinaan kesepadan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. (Mohd Sohaimi *et al.*, 2021a; Ruslan *et al.*, 2020)

Kesalinghubungan elemen tanggungjawab sosial di bawah denominasi ekonomi, sosial dan kelestarian sejagat berupaya memanfaatkan pembangunan modal insan menara gading (Irma Wani, Herlina & Norazah, 2019b). Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzhirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Antara rujukan yang menjadi pilihan utama bagi kursus ini termasuklah karya yang ditulis oleh Mohd Sohaimi, Dayu dan Budi (2011), Dayu, Mohd Sohaimi, Yusten dan Budi (2015), Mohd Sohaimi (2020), Shamsul (2007, 2012), Mitchell (2011), Maszlee (2017), Majid (1991), Harari (2017), Guenon (2001), Falikowski (1990), B. MacKinnon (2015), Dugin (2012) dan Cheng (2012; 2016).

## Rumusan

Kursus teras universiti atau ada kalanya disebut sebagai kursus wajib universiti didapati mengalami perubahan yang bersifat dinamik dan anjal sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Seumpama sepoohon pokok, kursus teras universiti dianggap akar yang menunjangi kursus-kursus lain di peringkat program dan fakulti yang dianggap dedaun dahan ranting yang diadun dengan begitu kompleks sekali. Natijahnya, kursus teras universiti berusaha untuk membina pelajar menjadi insan kamil yang mempunyai jati diri, terpahat nilai murni, warganegara berpatriotisme, memiliki minda kelas pertama dan anjal dalam apa jua keadaan sama ada untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara sehingga ke peringkat global. Itulah juga yang ingin dicapai bagi kursus teras universiti di bawah kategori kenegaraan Malaysia seiptimana harapan Kementerian Pengajian Tinggi, mahupun pihak UMS dan IPT lain.

Di UMS, kursus teras universiti diinstitusikan apabila PPIB diberikan tanggungjawab tersebut. PPIB telah memperkenalkan kursus SPBM dan SPNM yang boleh dikategorikan evolusi peringkat pertama. Kedua-dua kursus ini lebih pemberatnya kepada disiplin sejarah, sejarah Malaysia menjadi teras utama kurikulumnya. Kurikulumnya dibangunkan sendiri oleh pensyarah PPIB yang mengajar kursus ini. Namun demikian, apabila diperkenalkan kursus HE terdapat perubahan dari segi disiplinnya iaitu sosiologi sebagai pemberatnya yang diandaikan sebagai evolusi peringkat kedua. Hal yang menarik perhatian kursus ini

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
dibangunkan kurikulumnya secara terancang sehingga dapat dilihat dua edisi modul yang disediakan. Namun hakikatnya, pengenalan kursus HE memperlihatkan usaha *top down* pihak kementerian untuk menyelaraskan kursus kluster kenegaraan seluruh IPT sepetimana kursus PEdP.

Sementara apabila diperkenalkan PEdP dapat dilihat transformasi yang lebih menonjol apabila multidisiplin menjadi keutamaan dengan konsep aplikasi ilmu diterapkan dalam kursus ini. Ironinya, dari disiplin sejarah ke sosiologi kepada multidisiplin sehingga merentasi tema dan tempoh masa, tetapi tanpa meninggalkan elemen kenegaraan yang menjadi teras kepada kursus ini. Andaian ini juga dijadikan PEdP sebagai evolusi peringkat ketiga sehingga dapat dilihat perubahan turut berlaku dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran dari bersifat konversional kepada digital (dalam talian). Pada hakikatnya, setiap satu kursus yang diperkenalkan itu mempunyai reputasi dan statusnya yang tersendiri dalam mencapai matlamat yang digariskan oleh pihak kementerian, mahupun UMS. Inilah keunikan yang dapat dilihat dari kursus ini yang telah dibangunkan hampir mencecah 30 tahun di UMS. Sebenarnya pengalaman ini bukan sahaja berlaku di UMS, tetapi juga mana-mana IPT di negara ini yang dapat dilihat dinamika kursus teras universiti untuk komponen kenegaraan tersebut dalam pesada pendidikan Malaysia.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111 dan TLS2109) dan Erudites Knowledge Unlimited (EKU) (Kod Geran: TLS2010).

### Bibliografi

- Andaya B.W. & L.Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: McMillan Education UK.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan eds. (1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Berita Harian. 25 September 2019.
- Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Carr, E.H. (1962). *What is History?* New York: Alfred A. Knopf.
- Cheng, Y. (2012). *Islam and The Wisdoms of Asian Religions*. K.L.: The Other Press.
- Cheng, Y. (2016). *Islam and Secularism: The Quest for A Unity of Knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Collingwood, R.G. (1993). *The Idea of History*. Oxford University Press.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus & Budi Anto Mohd Tamring. (2015) *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Dokumen MQA. (2017). *Kursus Hubungan Etnik, Sesi 2017-2018*.
- Dugin, A. (2012). *The Fourth Political Theory*. London: Arktos.
- Falikowski, A. F. (1990). *Moral Philosophy: Theories, Skills and Applications*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Guenon, R. (2001). *The Reign of Quantity and The Signs of The Times*. (Lord Northbourne,

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Trans.). Hillsdale, NY: Sophia Perennis. (Original work published 1945).
- Hamidah Ab Rahman, Norlin Ahmad, Nor Akmar Nordin, Norashikin Mahmud, Rozianan Shaari & Shah Rollah Abdul Wahab. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54 (Sosial Sosial).
- Harari, Y. N. (2017). *Homo deus: A Brief History of Tomorrow*. Australia: Harper Collins.
- Kreiger, L. (1977). *Ranke: The Meaning of History*. Chicago: University of Chicago Press.
- Malaya Merdeka. 1956.
- MacKinnon, B. (2015). *Ethics: Theory and Contemporary Issues* (8th ed.) Stamford, CT: Cengage Learning.
- Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar. (2021). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, 2021 (1): 420- 437.
- Irma Wani, Othman. (2019a). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani, O., Herlina. J., & Norazah, M. S. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2):185-200.
- Kamus Dewan. (2004). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Pelan Pembangunan Pelajaran 2000-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. (2019). Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. 15 Ogos. Surat JPT (BKA)1000/011/04 (9).
- Majid Fakhry (1991). *Ethical Theories in Islam*. Leiden: J.J. Brill.
- Maszlee Malik (2017). *Foundations of Islamic Governance: A Southeast Asian Perspective* (1st ed.). London & New York: Routledge.
- Milne, R.S. & Mauzy, D.K. (1978). *Politics and Government in Malaysia*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Mitchell, H. B. (2011). *Roots of Wisdom: A Tapestry of Philosophical Traditions* (6th ed.). Wadsworth: Cengage Learning.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azri Ibrahim, Romzi Ationg & Mohd Sohaimi Esa. (2019). Pentadbiran dan Kepimpinan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di Kampus Antarabangsa Labuan. Dalam Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aidah Hj. Lukin@Lokin. 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa. (2012). *Malaysia dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2019). *Menyingkap Sejarah Awal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Dalam Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aidah Hj.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
**Lukin@Lokin. 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.**

Mohd Sohaimi Esa. (2020). Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin@Lokin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021a). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswa di Universiti Malaysia Sabah. International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC). Vol. 6, Issue 23, April.

Mohd Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Mohd Azri Ibrahim, Sharifah Darmia Sharif Adam, Jais Abdul Hamid & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2021b). Demokrasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC). Vol. 6, Issue 23, April.

Mohd. Zahedi Daud. (2005). Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. Malim SEA Journal of General Studies 11.

Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz. (2011). Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. Jurnal Kemanusiaan, Bil. 18.

Ng Ming Yip , Iswandi Harahap Burhanuddin. 2017. Mata Pelajaran Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik. National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017). RHR Hotel, 23 Ogos.

Ongkili, J. P.(1985). Nation-building in Malaysia, 1946-1974. Singapore: Oxford University Press.

Online Etymology Dictionary: Evolve, [www.etymonline.com/word/evolve](http://www.etymonline.com/word/evolve). (diakses pada 14 Disember 2020).

Rangka Kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia, Semester 1, Sesi 2005/2006. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aida Lukin@Lokin. (2019). 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara. 21.

Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Journal of Human Capital Development. Vol. 8, No.2. July-December.

Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2007). Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2012). Modul Hubungan Etnik (2nd ed.) Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.

Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS. (2020/). [http://bpa.ums.edu.my/images/dokumen/Prospektus/2020/PPIB/SINOPSIS\\_KURSUS\\_PPIB.pdf](http://bpa.ums.edu.my/images/dokumen/Prospektus/2020/PPIB/SINOPSIS_KURSUS_PPIB.pdf) . (diakses pada 15 Disember

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions 2020).

- Siti Aidah Lukin@Lukin, Budi Anto Mohd Tamring & Mohd Sohaimi Esa. (2019). Dari Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia ke Kursus Hubungan Etnik: Suatu Pengalaman. Dalam Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aidah Lukin@Lokin. 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Siti Hajar Che Man. (2012). Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina. *Sosiohumanika*, 5(1).
- Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah 2004-2005. (2004). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sugiyono. (2009). Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Utama-PPIB-UMS. <http://www.ums.edu.my/ppib/ms/utama>. (diakses pada 13 Disember 2020).
- Universiti Malaysia Sabah. (2017). Prospektus Prasiswazah 2017/2018. (Dokumen MQA, Kursus Hubungan Etnik, Sesi 2017-2018).
- Universiti Malaysia Sabah. (2014). Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah, Pindaan 2. (diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 20 Mei 2014). Kota Kinabalu : Penerbit UMS.
- Zainal Kling. (1985). Kesedaran Nilai Budaya Nasional: Alternatif Polarisasi Etnik. *Konvensyen Kebudayaan dan Identiti Nasional*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.